

Syor Perdana Menteri dapat UM sokongan

KUALA LUMPUR

Mei — Syor Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad supaya ditubuhkan sebuah suruhanjaya bebas mengenai kerjasama selatan mendapat sokongan sebulat suara para peserta Persidangan Selatan - Selatan Kedua di akhir perbincangan hari pertamanya petang ini.

Semasa menggulung perbincangan, Perdana Menteri berkata dengan sokongan sebulat suara itu, beliau yakin suruhanjaya itu dapat ditubuhkan sebaik sahaja persidangan selesai Khamis ini.

Beliau mahu keputusan yang muktamad dapat dibuat dalam merangka kerjasama selatan dalam persidangan empat hari itu dan tidak sekadar "keputusan di atas kertas sahaja."

Setiausaha Agung Komanwel, Sir Shridath S. Ramphal turut gembira dengan sokongan para peserta terhadap syor Malaysia itu.

"Suruhanjaya itu akan membolehkan negara - negara mencari jalan lebih bernas bagi kejayaan kerjasama selatan," katanya.

Tujuh peserta yang mengambil bahagian dalam perbincangan lanjutan selepas jamuan teh senada berkata sudah tiba masanya negara selatan mempunyai suruhanjaya bebas tersendiri untuk merangka kerjasama dalam semua bidang.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong, yang turut mengambil bahagian dalam perbincangan itu, menyuarakan pendirian Malaysia terhadap pendekatan yang perlu diambil untuk menentukan barangan - barangan negara membangun merpasaran di dunia.